

Peperiksaan UPSR

- Dimulakan pada tahun 1988 bagi menggantikan Penilaian Darjah Lima.
- Pada tahun 1995, format Matematik diubah dengan memperkenalkan soalan subjektif.
- Pada tahun 2001, penilaian dibuat termasuklah kerja sekolah calon. Pada tahun yang sama, subjek Sains diperkenalkan dalam kertas peperiksaan UPSR dan melibatkan amali Sains.
- Pada tahun 2016, kertas Bahasa Inggeris dipecahkan kepada 2 kertas berasingan iaitu kertas Pemahaman dengan dua bahagian, Bahagian A (objektif) dan B (subjektif) dan kertas Penulisan.
- Calon yang mengambil UPSR pada 2016 ialah mereka yang pertama mengaplikasikan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan sistem Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS).
- Semua soalan dalam kertas UPSR mempunyai elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang melibatkan soalan berbentuk subjektif untuk kertas soalan Bahasa Melayu Pemahaman (Bahagian B) dan kertas Bahasa Inggeris Pemahaman (Bahagian B).
- Pada awalnya, PBS dijangka melibatkan 40 peratus markah perolehan murid bermula dari 2011, ketika murid berada di Tahun Satu sehingga Tahun Enam dalam penilaian di sekolah dan 60 peratus pula adalah daripada kertas peperiksaan UPSR itu sendiri.
- Namun pada akhir tahun 2016, Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memutuskan bahawa keputusan UPSR adalah 100 peratus daripada kertas peperiksaan, sekaligus meniadakan penilaian PBS dibuat selama 6 tahun bermula pada 2011.
- Berikutan pandemik Covid-19 yang melanda negara, KPM pada 15 April lalu membuat keputusan untuk membatalkan UPSR pada tahun 2020, begitu juga dengan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3).
- KPM tidak bercadang membuat kajian sama ada UPSR akan diganti dengan ujian baharu yang sama fungsi dengannya.
- Sebaliknya, pencapaian akademik murid Tahun Enam dinilai melalui pentaksiran sepanjang masa, ujian esei dan temu duga bagi penempatan di lima jenis sekolah khusus.

Mansuh UPSR satu pendekatan positif

Namun guru agak sukar untuk menilai prestasi murid

Oleh **HASNIZA HUSSAIN**

SHAH ALAM

Walaupun keputusan untuk memansuhkan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) yang sedang dalam peringkat akhir kajian oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) masih belum dimuktamadkan, namun berita itu mendapat reaksi pelbagai daripada guru-guru.

Sebahagiannya dilihat bersetuju dan menganggap ia sebagai pendekatan positif jika benar-benar dimansuhkan.

Pada masa yang sama, terdapat juga guru yang kurang bersetuju kerana berpendapat UPSR penting untuk mengukur prestasi murid dari Tahun Satu sehingga Tahun Enam.

Guru Penyelaras Tahun Enam di sebuah sekolah rendah di Shah Alam, Zulkefli Abu Bakar berkata, dia percaya berita tersebut bukan sahaja mengejutkan dirinya tetapi juga guru-guru lain yang telah biasa dengan sistem UPSR untuk menilai pencapaian murid.

Menurutnya, secara peribadi sekiranya UPSR benar-benar dimansuhkan, keadaan akan menjadi kelam kabut kerana guru-guru mata pelajaran dikehendaki mengisi Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) untuk menilai murid.

“Guru-guru hanya sekadar meletakkan tahap penguasaan (TP) untuk diberi kepada murid dan sukar untuk meni-



ZULKEFLI

lai-murid kerana mereka mungkin tidak membuat latihan atau menjabar latihan secara bersungguh-sungguh.

“Jika UPSR dikekalkan, pasti murid-murid akan lebih bersedia kerana mereka

menganggap bahawa UPSR adalah satu peperiksaan yang penting dan harus bersedia daripada awal,” katanya kepada *Sinar Ahad* di sini semalam.

Terdahulu, Timbalan Menteri Pendidikan I, Muslimin Yahaya memaklumkan KPM sedang dalam peringkat akhir kajian untuk memansuhkan UPSR dan keputusan muktamad mengenai pemansuhan itu akan dibuat tidak lama lagi.

Dalam pada itu, Zulkefli berkata, sebelum ini pemilihan untuk ke sekolah berasrama penuh (SBP), Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) serta sekolah khusus akan jadi lebih mudah jika penilaian UPSR diambil kira.

“Jika UPSR tiada, pendekatan bagaimana pula akan diambil? Malah dengan tiadanya UPSR, sudah pasti ia juga akan menjejaskan prestasi murid-murid dari Tahun Satu hingga Tahun Enam.

“Saya berharap UPSR dapat dikekalkan agar persaingan sihat antara murid dapat dinilai setelah enam tahun mereka belajar di sekolah rendah,” katanya.

Beliau berkata, selagi keputusan untuk memansuhkan UPSR ini belum dimuktamadkan, beliau berharap pihak berkaitan dapat membuat kajian sedalam-dalamnya tentang perkara itu.

REAKSI



“Saya setuju dengan cara penilaian ini memandangkan kita berada dalam normal baharu. Pentaksiran

berdasarkan bilik darjah yang dijalankan sedikit sebanyak pastinya memberi gambaran yang tepat tentang pencapaian murid Tahun Enam sepanjang tahun persekolahan.”

- **Fazilah Muda, 43, Kuantan**



Berdasarkan pengalaman mengajar kelas peperiksaan hampir 15 tahun, saya amat bersetuju jika UPSR

dimansuhkan kerana dapat bantu guru untuk fokus kepada kemenjadian murid dalam pelbagai bidang manakala murid-murid akan ada pelbagai kecenderungan. Guru juga tidak berorientasikan peperiksaan semata dan lebih mudah merancang pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang menyeronokkan.”

- **Sumiyah Yahaya, 38, Jerantut**



Saya setuju jika UPSR dimansuhkan kerana guru-guru tidak perlu lagi mengejar silibus serta tidak perlu

tertekan memikirkan prestasi UPSR jika ia merudum. Malah guru-guru boleh menumpukan kepada pembelajaran 3M (membaca, menulis dan mengira) bagi memastikan murid yang lemah dalam aspek itu tidak ketinggalan.”

- **Mohd Fauzi Sulaiman, 36, Mentakab**

Wajar mansuh UPSR, pelajar tidak terlalu fokus pada peperiksaan

ALOR SETAR - Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) wajar dimansuhkan agar pelajar lebih santai dan tidak terlalu fokus pada peperiksaan.

Guru Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Bersatu di sini, Noor Halini Alias, 36, berkata, berdasarkan pengalamannya ketika pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) pada tahun 2016, pelajar-pelajar dilihat lebih seronok dan menikmati alam pembelajaran yang sebenar.

“Mereka tidak tertekan dengan peperiksaan malah guru juga dapat melihat tahap penguasaan pelajar secara individu dengan lebih menyeluruh seterusnya mengambil langkah intervensi untuk membantu pelajar mencapai tahap penguasaan tertentu.

“Jadi penilaian pelajar bukan hanya



NOOR HALINI



AMIRUL SYAHIR

pada peperiksaan sahaja. Kita bukan hendak mengejar gred A semata-mata tetapi pembentukan akhlak, perkembangan kemahiran dan kemenjadian murid itu yang menjadi fokus,” katanya ketika dihubungi *Sinar Ahad* semalam.

Mengulas lanjut, Noor Halini berka-

ta, beliau yakin Kementerian Pendidikan telah merangka satu penilaian secara menyeluruh kesinambungan daripada PBD untuk menggantikan.

“Sebagai guru saya menyokong sepenuhnya usaha ini dan yakin ibu bapa di luar sana juga menyambut baik sekiranya Kementerian Pendidikan memansuhkan UPSR,” katanya.

Sementara itu, Gabungan Pelajar Semenanjung Malaysia (GPMS) Cawangan Kuala Kedah tidak bersetuju dengan tindakan kerajaan untuk memansuhkan UPSR selain menggunakan kaedah pentaksiran sepanjang masa, ujian esei dan temu duga kepada murid UPSR.

Yang Dipertuanya, Amirul Syahir Musa berkata, usia 12 tahun bukan suatu peringkat usia yang matang untuk

melalui semua kaedah berkenaan.

Katanya, ujian tersebut terutamanya temu duga selalunya dilalui oleh pelajar di peringkat menengah rendah dan menengah atas kerana usia mereka yang lebih matang.

“Kaedah itu bagi saya tidak memberi impak yang besar kepada pembelajaran dan juga masa depan murid untuk mereka menyesuaikan diri dengan pembelajaran di peringkat menengah,” katanya.

Menurutnya, sekarang bukan masa yang sesuai untuk kerajaan memansuhkan UPSR kerana negara sedang berperang dengan pandemik Covid-19.

“Ketika ini semua pihak terkesan bukan sahaja bidang pendidikan, jadi seeloknya kerajaan meneliti semula cadangan berkenaan,” katanya.